



**SYARAT DAN PERATURAN
PERTANDINGAN BOLA SEPAK PERPADUAN 7 SEBELAH
UNTUK MEREbut PERISAI PUSINGAN PERPADUAN
"UNITY CHALLENGE SHIELD"
TYT YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
ANJURAN MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH
NEGERI PULAU PINANG**

1. Nama Pertandingan

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Sepak Perpaduan 7 Sebelah Tertutup Pulau Pinang PERISAI PUSINGAN PERPADUAN "UNITY CHALLENGE SHIELD" TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

2. Penganjur

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Perundangan Muhibbah Negeri Pulau Pinang (MPMNPP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Pulau Pinang. (JPN)

3. Kelayakan Mengambil Bahagian:

Pasukan-Pasukan/Kelab-Kelab Yang Tersebut Di Bawah Ini Layak Menyertai/Mengambil Bahagian.

- 3.1 Pasukan yang berdaftar dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang (FAP)/Persatuan Bola Sepak Negeri Perlis, Persatuan Bola Sepak Negeri Kedah dan Bola Sepak Negeri Perak
- 3.2 Pasukan dari Persatuan/Pertubuhan Etnik Kaum Negeri Pulau Pinang yang menganggotai Majlis Perundangan Muhibbah Negeri Pulau Pinang adalah layak mengambil bahagian
- 3.3 Lain-lain Persatuan/Kelab Negeri-Negeri Utara Malaysia/Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

4. Perisai/Hadiah:

Perisai Pusingan Perpaduan "UNITY CHALLENGE SHIELD" adalah Hak MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH NEGERI PULAU PINANG.

Selain daripada hadiah iringan, Sijil Penyertaan, hadiah-hadiah wang tunai akan diberikan kepada pasukan yang berjaya seperti berikut:-

Johan	—	Wang Tunai	RM 2,000.00
Naib Johan	—	Wang Tunai	RM 1,200.00
Ketiga	—	Wang Tunai	RM 800.00
Keempat	—	Wang Tunai	RM 500.00

5. Jadual / Tarikh Pertandingan

- 5.1 Tarikh Pertandingan : 21 April 2019
- 5.2 Jadual Pertandingan akan dimaklumkan kepada Ketua Pasukan yang mengambil bahagian sebelum tarikh pertandingan.

6. Tempat

Tempat Pertandingan akan dimaklumkan sebelum Pertandingan diadakan.

7. Undang-Undang dan Syarat-Syarat Pertandingan

- 7.1 Kejohanan ini akan dimainkan mengikut Undang-Undang dan Peraturan Permainan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) kecuali yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 7.2 Kejohanan ini terhad kepada mana-mana Kelab dan Persatuan yang berdaftar dengan Persatuan Bolasepak Pulau Pinang, Persatuan-Persatuan/Kelab-Kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Persatuan/Pertubuhan Ethnik Kaum yang menganggotai Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang, Qaryah-Qaryah Masjid dan JKKK **dalam Negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak**. Semua pemain mestilah Warganegara Malaysia.
- 7.3 Pemain yang sedang digantung oleh mana-mana Pasukan Bola Sepak Negeri adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 7.4 Setiap pasukan harus mendaftar 10 orang pemain sahaja, iaitu 7 orang pemain dan 3 orang simpanan.
- 7.5 Pemain yang berdaftar sahaja boleh bermain dan setiap pemain hanya dibenarkan untuk mewakili satu pasukan sahaja. Sekiranya seseorang pemain didapati tidak berdaftar atau bermain untuk lebih dari satu pasukan, maka pasukan-pasukan yang diwakilinya akan dibatalkan serta merta. Semua keputusan pertandingan yang telah dimain dan perlawanan yang akan dimainkan oleh Pasukan itu dikira terbatal.
- 7.6 Masa setiap perlawanan adalah 7.1.7 minit.
- 7.7 Dalam perlawanan kalah keluar, sekiranya seri pada masa sepenuhnya, maka sepakan penalti sebanyak 3 kali akan diadakan bagi menentukan pemenang. Jika seri lagi, ia akan diteruskan dengan sepakan penalti secara "sudden death" dan lambungan syiling 3 kali akan dijalankan.
- 7.8 Semua Pasukan dikehendaki untuk bersedia **10 minit sebelum pertandingan bermula** mengikut jadual yang ditetapkan. Sebaliknya, Pasukan yang telah bersedia di padang untuk bermain akan dikira menang percuma dengan 3 mata dan jaringan 3-0. Setiap pasukan mesti menurunkan sekurang-kurangnya 7 pemain untuk sesuatu perlawanan.
- 7.9 Sistem pertukaran pemain adalah secara "rolling substitute". Setiap pertukaran pemain mesti melalui meja teknikal.

8. Sistem Pertandingan

Bagi peringkat awal, sistem pertandingan adalah secara liga 1 pusingan dalam kumpulan. Di pusingan kedua dan selanjutnya adalah secara kalah keluar.

9. Penentuan Pemenang Kumpulan

Di dalam perlawanan liga, pengiraan mata akan mengikut format MENANG 3 MATA, SERI 1 MATA dan KALAH 0 MATA. Sekiranya terdapat pasukan yang mempunyai pencapaian mata yang sama pada akhir pertandingan, maka pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang lebih tinggi akan menduduki tempat teratas. Sekiranya sama lagi, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol akan diambilkira lebih tinggi. Jika masih terdapat persamaan, maka keputusan perlawanan diantara kedua-kedua pasukan yang berkenaan akan diambilkira. Jikalau masih tidak dapat keputusan, Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan akan membuat keputusan dan keputusannya adalah muktamad.

10. Pengadilan

Semua perlawanan akan diadili oleh Pengadil-Pengadil yang bertauliah. Keputusan Pengadil adalah muktamad. Sebarang rayuan terhadap keputusan pengadil tidak akan dilayan.

11. Penggantungan Pemain

- 11.1 Pemain yang menerima 2 kad kuning akan digantung satu perlawanan berikut yang melibatkan pasukannya. Untuk itu, pemain yang sudahpun menerima 2 kad kuning dan penggantungan satu perlawanan, akan menerima penggantungan satu perlawanan bagi setiap satu kad kuning yang diterimanya selepas itu.
- 11.2 Pemain yang menerima kad merah secara automatik akan digantung satu perlawanan berikut yang melibatkan pasukannya. Mana-mana pemain yang menerima 2 kad merah akan dibatalkan penyertaannya dari pertandingan ini.
- 11.3 Mana-mana pasukan yang menurunkan pemain yang telah digantung, maka pasukan itu akan dikira kalah bagi permainan itu dengan kiraan 3-0.

12. Bantahan

Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Pertandingan oleh Pengurus Pasukan serta merta selepas tamat perlawanan dengan disertai wang tunai sebanyak RM300.00. Wang ini tidak akan dikembalikan sekiranya keputusan mengenai bantahan tersebut ditolak.

13. Tanggungjawab Pegawai dan Pemain

- 13.1 Semua pegawai dan pemain yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini adalah di atas kerelaan dan risiko sendiri. Pihak Jawatankuasa Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kerosakan ataupun kehilangan harta benda sebelum, semasa ataupun selepas kejohanan ini.
- 13.2 Adalah menjadi tanggungjawab Semua Pegawai Pasukan terhadap tindakan dan salahlaku Penyokong Pasukan.
- 13.3 Pasukan yang bertindak kasar terhadap Pengadil atau mana-mana Pegawai Pertandingan akan disingkirkan terus dari menyertai pertandingan ini. Pemain-pemain yang terlibat akan dirujukan kepada Jawatankuasa Disiplin Persatuan-Persatuan Bola Sepak Negeri masing-masing.

14. Hak Jawatankuasa Penganjur

Pihak Jawatankuasa Penganjur mempunyai kuasa dan hak mutlak untuk membuat pindaan atas mana-mana syarat pertandingan demi untuk melicinkan Pertandingan ini. Pihak Penganjur juga berhak untuk membatalkan mana-mana permainan sekiranya terdapat pergaduhan atau berkelakuan kurang sopan semasa perlawanan dijalankan atau atas sebab-sebab yang munasabah dalam pendapat Jawatankuasa Penganjur.

15. Jersi

Setiap pasukan dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya dua set jersi. Sekiranya terdapat persamaan warna jersey, pasukan yang disenaraikan kemudian perlu menukar jersi mereka. Setiap pemain mestilah menggunakan nombor jersi yang sama disepanjang kejohanan ini.

16. Penyertaan

16.1 Yuran Penyertaan adalah RM50.00 satu pasukan. Yuran ini hendaklah dijelaskan samada dalam bentuk Wang Pos atau Cek atas nama **Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang**.

16.2 Pendaftaran Pasukan mesti menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Penganjur yang disertai bersama-sama ini dan kembalikan kepada:-

**Setiausaha,
Jawatankuasa
Pertandingan Bola Sepak Perpaduan 7 Sebelah
Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang atau
d/a. Bangunan PEMENANG
No. 60, Jalan PEMENANG
10250 Pulau Pinang**

**Unit Sukan JPN Pulau Pinang,
Pusat Kecemerlangan Sukan Westland,
Jalan Padang Victoria,
10400 Pulau Pinang**

No. Tel: 04-227 3092 Fax: 04-228 3937

16.3 Jawatankuasa Penganjur berhak untuk menolak mana-mana penyertaan tanpa memberi sebab.

17. Tarikh Tutup

17.1 Pada **Hari Rabu, 18 April 2019**

18. Jadual Perlawanan

18.1 Jadual Pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknik dan Pertandingan dan keputusannya adalah muktamad.

18.2 Jadual perlawanan akan diberikan kepada semua Pengurus Pasukan semasa taklimat. Jadual ini juga akan dipaparkan di khemah Urusetia di padang pertandingan.

19. Majlis Taklimat

Taklimat untuk semua Pengurus dan Ketua Pasukan akan diadakan pada **Hari Rabu, 18 April 2019 Jam 5.00 petang di Persatuan Melayu Pulau Pinang, Bangunan PEMENANG, No. 60, Jalan Pemenang, 10250 Pulau Pinang.**

20. Majlis Perasmian Pembukaan dan Penyampaian Hadiah

20.1 Majlis Perasmian Pembukaan akan dimaklumkan kelak.

20.2 Tempat Pertandingan Akhir dan Majlis Penyampaian Hadiah untuk Pertandingan ini akan diumumkan kelak.

Urusetia Pertandingan Bola Sepak Perpaduan 7 Sebelah "UNITY CHALLENGE SHIELD" 2017 adalah di alamat:-

**Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang
d/a. Bangunan PEMENANG
No. 60, Jalan PEMENANG
10250 Pulau Pinang.**

No. Tel: 04-227 3092 Fax: 04-228 3937
Email: pemenang@pemenang.org.my



**KEJOHANAN BOLASEPAK 7 SEBELAH
BAGI MEREPUT PERISAI PERPADUAN “UNITY CHALLENGE SHEILD”
TYT YANG DI PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**ANJURAN
MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH NEGERI PULAU PINANG (MPMNPP)
SEMPENA ULANGTAHUN YANG KE-15
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG**

BORANG PENYERTAAN

Nama Pasukan:			
Alamat:			
Nama Pengurus:		No. Tel:	
Nama Jurulatih:		No. Tel:	

Senarai Nama Pemain: NAMA PENUH

NO. K/P BARU

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	

PENGAKUAN

Kami telah membaca dan memahami syarat-syarat Pertandingan dan bersetuju untuk mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengajur dengan penuh semangat kesukanan. Kami juga akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaa, kehilangan dan kerosakan harta benda kami sepanjang menyertai kejohanan tersebut. Bersama ini disertakan wang tunai / cek / wang pos / Bank Draft berjumlah RM sebagai yuran pendaftaran dan penyertaan pasukan kami.

Tandatangan Pengurus Pasukan :

Disahkan oleh :

Tarikh :

.....

.....

(Chop Rasmi (jika ada))

Sebarang penyertaan sila hubungi:

Urusetia, d/a No. 60, Jalan PEMENANG, 10250 Pulau Pinang. Tel: 04-227 3092 Fax: 04-228 3937